



**Amiruddin Abdullah mengharungi banjir di kawasan rumahnya berhampiran Sekolah Kebangsaan Temai, semalam.**

**Fakta  
nombor**

**102 MANGSA**

ditempatkan di dua pusat pemindahan di Pekan

**29 MANGSA**

ditempatkan di dua pusat pemindahan di Segamat

## Banjir di Pekan belum pulih

**Pekan:** Sudah dua minggu berlalu, namun belum ada tanda banjir di sekitar Kampung Temai Hilir, di sini, bakal pulih sepenuhnya.

Kedudukan kampung itu di kawasan rendah dan hampir dengan Sungai Pahang dipercayai menjadi punca masih banyak lokasi digenangi air, walaupun keadaan cuaca sudah bertambah baik sejak hujung minggu lalu.

Seorang daripada 93 mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Temai, Rahmat Taib, 33, berkata air bertakung di kawasan kampung itu kali ini lebih lama berbanding tahun sebelumnya.

“Biasanya dalam seminggu, air bertakung akibat banjir sudah surut. Tahun ini, sudah nak masuk dua minggu dan banyak lagi kawasan ditenggelami air. Kalau nak kira, saya pun sudah tidak mahu duduk di sini (pusat pemindahan).”

“Namun, nak balik rumah belum boleh lagi kerana kawasan rumah masih digenangi air,” katanya yang tidak sempat berpindah ke rumah ibunya di bandar ini berikutan laluan kampung itu terputus selepas paras air naik secara mendadak.

### Setiap tahun berpindah

Katanya, kawasan rumahnya juga ditenggelami air sehingga satu meter dan boleh dikatakan hampir semua peralatan elektrik di dalam kediaman itu rosak.

Rakannya, Mohamad Zawawi Mamat, 40, berkata setiap tahun keluarganya ditempatkan di pusat pemindahan berkenaan, namun kali ini agak lama berbanding sebelumnya.

Sementara itu, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Pahang, Kolonel (PA) Zainal Yusoff, berkata semua 102 mangsa daripada 26 keluarga yang ditempatkan di dua pusat pemindahan

sementara di Pekan dijangka dibenarkan pulang hari ini selepas kerja pembersihan rumah mereka yang dipenuhi lumpur selesai.

Setakat lewat petang semalam, dua pusat pemindahan masih dibuka ialah di Sekolah Kebangsaan (SK) SK Temai yang menempatkan 93 mangsa daripada 24 keluarga dan SK Aceh dengan sembilan mangsa daripada dua keluarga.

Di **Segamat**, Pengerusi Jawatan-Kuasa Alam Sekitar, Kesihatan, Penerangan dan Pendidikan negeri, Datuk Ayub Rahmat, berkata jumlah mangsa banjir berkurang sedikit dengan 33 orang daripada lapan keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan sebelum tengah hari semalam.

Katanya, semua mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara dengan Balai Raya Gemereh 4 Batu Badak menempatkan 25 mangsa, manakala empat penduduk lagi di Pusat Aktiviti Belia Kampung Tekam.